



## SIARAN MEDIA

### KAPAL MENDAM BERAH : REALITI ATAU MITOS?

---

**MELAKA, 19 Jun 2023** – Seminar ‘Kapal Mendam Berahi : Realiti atau Mitos?’ telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam, Yang di Pertua Negeri Melaka anjuran oleh Muzium Seni Bina, Jabatan Muzium Malaysia dengan kerjasama Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM). Seminar ini telah berlangsung selama dua (2) hari pada 23 dan 24 Jun menghimpunkan penyelidik-penyalidik, ahli-ahli sejarah dan juga ilmuan dalam satu platform bagi mengetengah dan mengupas hasil kajian, penyelidikan serta dapatan mereka terhadap ‘Kapal Mendam Berahi’.

Seminar ini adalah selari dengan inisiatif ‘Ini Warisan Kita’ yang dibawa oleh Kementerian Perpaduan Negara bertujuan untuk merungkai persoalan terhadap isu-isu yang melibatkan kewujudan, reka bentuk mahupun fungsi Kapal Mendam Berahi ketika era kegemilangan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka agar dapat diterima oleh para ilmuan dan masyarakat serta dapat dijadikan rujukan kepada generasi masa kini dan akan datang. Secara tidak langsung ianya dapat menyemai dan memupuk serta menyemarakkan semangat perpaduan melalui rasa cinta kepada negara.

Kerajaan Melayu Melaka adalah sebuah kerajaan yang mempunyai sistem pemerintahan yang tersusun, politik yang stabil dan merupakan sebuah pusat perdagangan yang amat penting pada abad ke-15 Masihi. Kerajaan Melaka ini meliputi sebahagian besar semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Riau dan Utara Sumatera. Ia juga merupakan sebuah pusat pendidikan dan penyebaran Agama Islam di Nusantara. Kemakmuran dan kemajuan Melaka telah mendorong kepada perkembangan dan kemajuan bidang-bidang lain seperti pendidikan, perundangan dan sosial masyarakatnya. Turut dikatakan juga, Kerajaan Melaka mempunyai sistem pengangkutan laut yang mantap di mana ia digarap bagi tujuan keselamatan dan perdagangan. Antara yang menjadi kebanggaan Melaka adalah armada lautnya yang dikatakan serba lengkap dan menjadi benteng keselamatan di Selat Melaka pada ketika itu.

Kapal atau Jong Mendam Berahi yang dipercayai wujud sezaman dengan Laksamana Hang Tuah ini dikatakan sebuah kapal gergasi yang pada waktu itu amat digeruni oleh pihak lawan. Ia berfungsi untuk menjaga keselamatan perairan Melaka dan juga untuk melaksanakan misi-misi diplomatik ke negara-

negara luar seperti perdagangan dan sebagainya. Namun demikian, terdapat juga khalayak yang mempertikaikan kewujudan kapal ini kerana kurangnya bukti material yang boleh dirujuk.

Seramai lapan (8) orang pembentang yang terdiri dari para ilmuan dan penyelidik antaranya:-

- i. Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Hashim Musa,  
Profesor Adjung Universiti Putra Malaysia
  - ii. Prof. Madya Dr. Rohaida bt. Kamarudin,  
Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM) Universiti Putra Malaysia  
(UPM)
  - iii. Drs. Mohd Nasruddin b. Rahman,  
Perbadanan Muzium Negeri Melaka (PERZIM)
  - iv. Dr. Mohd Akbal b. Abdullah,  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
  - v. Dr. Mohd Hasanuddin b. Mohd Yusof,  
Pengarah Maktab Penyelidikan Tamadun Alam Melayu dan Islam  
(MAPTAMI).

Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia akan terus mempergiat usaha memelihara dan memulihara khazanah warisan negara melalui program-program kerjasama strategik dengan pelbagai pihak pada masa akan datang.

Kementerian Perpaduan Negara

19 Jun 2023

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.

Dikeluarkan oleh: Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my